

**LEMBAGA PELABUHAN BINTULU****SYARAT-SYARAT MELULUSKAN PENERIMAAN HADIAH OLEH LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

Kuasa meluluskan penerimaan hadiah oleh Pengurus Besar atau Pegawai Pengawal adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan berikut:

- a) Hadiah yang diterima hendaklah diberikan oleh penderma secara percuma tanpa sebarang syarat dan ikatan. Penderma-penderma pula tidak mempunyai apa-apa kepentingan dengan LPB
- b) Hendaklah dipastikan barang-barang atau peralatan yang dihadihkan adalah yang belum terpakai dan alat-alat gantinya pula mudah diperolehi. Serta memberi manfaat atau faedah kepada LPB atau negara amnya.
- c) Sesuatu hadiah itu diberikan oleh penderma secara sukarela dan bukan atas permintaan LPB yang berkenaan. LPB adalah dilarang menjalankan usaha bagi mendapatkan hadiah atau derma dari mana-mana pihak sama ada pertubuhan atau orang perseorangan.
- d) Penerimaan sesuatu hadiah itu tidak akan menyebabkan pengwujudan jawatan baharu bagi mengendalikannya. Dalam hal ini, Pengurus Besar dan Pegawai-pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa kakitangannya yang terlatih telah sedia ada dan mencukupi untuk mengendalikan hadiah yang diterima.
- e) Peruntukan LPB adalah mencukupi bagi membiayai penyelenggaraan hadiah yang diterima.
- f) Pengurus Besar dan Pegawai-pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab memastikan hadiah yang diterima digunakan mengikut apa yang dihasratkan oleh penderma.
- g) Semua hadiah yang telah diluluskan penerimaannya hendaklah dimasukkan ke dalam inventori Jabatan.

2. Pengurus Besar dan Pegawai Pengawal dikehendaki menghantar kepada Perbendaharaan satu laporan dengan salinan kepada Ketua Audit Negara apabila sesuatu hadiah diluluskan penerimaannya. Dalam laporan tersebut hendaklah dinyatakan butir-butir hadiah, nilainya, nama penderma dan tempat di mana hadiah diletakkan.

3. Semua hadiah yang berupa wang tunai hendaklah diambil tindakan dengan mewujudkan akaun amanah yang sesuai.